

10/08/1999

Jentera Umno Terengganu bersedia

KEMAMAN, Isnin - Badan Perhubungan Umno Terengganu bekerja kuat setiap masa bagi memastikan kemenangan besar calon Barisan Nasional (BN) di negeri ini walaupun tarikh pilihan raya umum belum ditetapkan lagi, kata Pengerusinya, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Menurutnya, Umno negeri sudah mengarahkan semua jenteranya sentiasa bersiap sedia seolah-olah pilihan raya akan diadakan esok.

"Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan rasminya ke negeri ini pada akhir bulan lalu turut memberikan semangat kepada pemimpin Umno negeri supaya bekerja kuat sepanjang masa," katanya kepada pemberita, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan penyerahan sijil pengiktirafan mutu ISO 9002 kepada syarikat Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn Bhd (KSB) di Teluk Kalong, di sini, oleh Pengarah Eksekutif Sirim QAS Sdn Bhd, Dr Mohd Yusoff Zakaria. Penganugerahan itu diterima Pengerusi KSB, Mohd Paudzi Ismail.

KSB menerima anugerah kualiti ISO 9002 untuk Sistem Kualiti iaitu penyediaan khidmat sokongan dan logistik untuk kegiatan carigali dan pengeluaran minyak serta gas. KSB ialah anak syarikat Eastern Pacific Industrial Corporation Bhd (Epic), ahli Kumpulan DRB-Hicom.

Wan Mokhtar yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, petugas BN tidak perlu menunggu pengumuman mengenai tarikh pilihan raya, baru mahu memulakan tugas untuk parti.

(END)